

GLC perlu bantu negara Islam

Um - 28/5/2007

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 27 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan meminta syarikat milik kerajaan (GLC) merapatkan jurang pengetahuan dan kekayaan dengan mengeluarkan biasiswa, pinjaman kepada negara-negara Islam yang ketinggalan.

Timbalan Perdana Menteri juga meminta lebih banyak syarikat terkemuka di negara Islam bersama-sama membantu usaha Malaysia itu dalam menjadikan ekonomi dunia Islam semakin kukuh dan mantap.

"Dalam perkara ini, kerajaan akan meminta GLC membantu merapatkan jurang pengetahuan dan menawarkan lebih banyak pinjaman untuk industri kecil dan sederhana (IKS), biasiswa, tempat praktikal, sokongan dan sebagainya," kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam Ucapan Forum Ahli Perniagaan Wanita, Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) dan Forum Pemimpin Muda WIEF di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Najib percaya bantuan seperti itu terutamanya kepada belia dan golongan wanita adalah penting dalam menggerakkan kemajuan negara-negara Islam dewasa ini.

"Wanita dan belia adalah harapan penting bagi dunia Islam kerana mereka memiliki potensi paling besar untuk menyumbang secara konstruktif kepada kemajuan dunia Islam," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, wanita yang secara semula jadinya memiliki sifat teratur dan golongan belia yang memiliki pemikiran inovatif adalah penting dan sentiasa menjadi faktor penentu di sebalik kejayaan sesuatu tamadun.

Malah, beliau menekankan bahawa kejayaan memupuk kedua-dua golongan itulah yang menjadi sebab utama tamadun dapat terus dikekalkan dan dicipta semula serta asas yang kuat dan kukuh dapat dibina untuk sebuah masyarakat yang sihat.

Justeru, kekurangan perhatian kepada kedua-dua kumpulan itu adalah sebab utama berlaku kerosakan dalam masyarakat pada masa lampau dan masa kini, seperti yang dapat dilihat pada masyarakat tertentu dalam dunia Islam, tambahnya.

Malangnya, dalam beberapa masyara-

kat di dunia Islam, sangat kurang perhatian yang diberikan kepada wanita dan belia, satu trend yang sangat membimbangkan yang boleh dibuktikan dan telah terbukti merosakkan kemajuan masyarakat Islam di seluruh dunia," katanya.

Mengenai wanita, beliau berkata kekurangan perwakilan wanita dalam sesetengah masyarakat Islam adalah amat serius dan dengan demikian meningkatkan lagi peminggiran gender dan meletakkan wanita semata-mata di rumah dan menafikan hak mereka untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

"Begitu juga dengan kaum belia di mana mereka dinafikan hak untuk mengambil alih tanggungjawab kepimpinan dan hak untuk menyuarakan pandangan mereka yang inovatif.

"Masyarakat kita menjadi lebih berpecah, dan sokongan tradisi kepada wanita dan belia tidak lagi wujud sebagaimana keadaannya satu ketika dahulu.

"Ini menjadikannya lebih penting bagi kita untuk membangunkan cara-cara untuk memastikan wanita dan golongan muda menerima tunjuk ajar dan sokongan yang diperlukan oleh mereka, bahawa kita tidak membiarkan mereka berserah kepada nasib semata-mata," tegas beliau.

Najib juga berkata, wanita dan golongan muda yang memberikan masa dan tenaga mereka kepada hal-hal yang positif seperti mendidik dan menjadi mentor adalah penting bagi membina modal sosial masyarakat Islam.

"Modal sosial ialah tentang wanita dan golongan muda tidak hidup sebagai unit-unit terpencil, tetapi menyedari bahawa kita semua adalah sebahagian daripada masyarakat dan kita semua mempunyai sesuatu untuk disumbangkan kepada masyarakat itu," katanya.

Najib juga menekankan pentingnya IKS dalam pembangunan sesebuah ekonomi.

Beliau berkata, satu laporan *Forbes* baru-baru ini menyimpulkan bahawa IKS membentuk komponen terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara.

"Ditambah pula dengan sifat semula jadi wanita yang boleh dipercayai dan sebagai usahawan yang bernilai sebagai peminjam, satu tumpuan khas kepada IKS sudah

Dalam perkara ini, kerajaan akan meminta GLC membantu merapatkan jurang pengetahuan dan menawarkan lebih banyak pinjaman untuk industri kecil dan sederhana (IKS), biasiswa, tempat praktikal, sokongan dan sebagainya

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana
Menteri



NAJIB Tun Razak melihat replika Jambatan kedua Pulau Pinang pada pameran sempena Forum Ekonomi Islam Dunia di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

tentu akan memberikan rangsangan besar kepada kemajuan syarikat-syarikat ini di dunia Islam," katanya.

Dengan tema 'Memupuk Sumber-Sumber Terbaik Kita - Wanita dan Belia dari Dunia Islam', forum sehari mengenai wanita dan belia itu dihadiri peserta dari

Australia, Bangladesh, India, Indonesia, Iran, Kuwait, Maghribi, Pakistan, Uganda dan United Kingdom.

Forum Ahli Perniagaan Wanita WIEF dan Forum Pemimpin Muda WIEF itu diadakan sempena Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) yang ketiga bermula esok.